

# Muhyiddin mulakan lawatan rasmi ke Brunei

Oleh OMAR ZIN  
omarzin@mediamulia.com,my

**PETALING JAYA:** Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di Brunei semalam bagi mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Bandar Seri Begawan sempena Rundingan Pemimpin Tahunan ke-23 Malaysia-Brunei Darussalam.

Ini adalah pertemuan pertama Perdana Menteri dengan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di bawah kerangka Rundingan Pemimpin Tahunan.

Lawatan tersebut juga adalah bagi memenuhi undangan Sultan Hassanal Bolkiah.

Mengikut kenyataan Kementerian Luar kelmarin, rundingan berkenaan menjadi platform peringkat tertinggi bagi perbincangan mengenai pelbagai isu dua hala, hal ehwal serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

"Kedua-dua pemimpin akan mengambil peluang semasa mesyuarat tahunan untuk menilai kemajuan kerjasama yang sedang berjalan selain mengukuhkan lagi hubungan istimewa dan

kerjasama pasca Covid-19 yang memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

"Ini termasuk perbincangan mengenai cadangan pewujudan Aturan Laluan Hijau Timbal Balas antara Malaysia dan Brunei, cadangan kerjasama dalam bidang diplomasi vaksin dan cadangan ke arah pengukuhan kerjasama ekonomi," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, selepas rundingan Malaysia dan Brunei akan memuktamadkan memorandum persefahaman dalam bidang pengurusan benca-

na antara kedua-dua kerajaan dan pemeteraian perjanjian Unitisation Agreement antara Petronas dan Brunei National Unitisation Secretariat dalam sektor minyak dan gas.

Terdahulu, Muhyiddin diiringi isterinya, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 4 petang.

Ketibaan Perdana Menteri disambut anakanda Sultan Brunei iaitu Pengiran Muda Mahkota, Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah bersama isteri, Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.